

# DBKL arah 14 kedai dikendali warga asing ditutup serta-merta

**KUALA LUMPUR** - Sebanyak 14 premis dikendalikan warga asing di Kenanga Wholesale City, Jalan Kenanga off Jalan Gelugor di sini diarah tutup serta-merta dalam operasi penguatkuasaan pada Sabtu.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam satu hantaran di Facebook berkata, tindakan khas itu dijalankan ke atas 15 buah premis susulan risikan pihaknya sejak seminggu lalu.

"Serbuan dijalankan secara mengejut ke atas 15 buah premis perniagaan barang am melibatkan aktiviti penjualan pakaian, tekstil, alatan jahitan yang dikendali-

kan oleh warga Bangladesh, Indonesia dan Myanmar.

"DBKL membuat semakan ke atas 20 orang pembantu atau pengendali premis warga asing dan terus membuat tindakan penutupan serta-merta terhadap 14 buah premis menerusi Seksyen 101 (1) (v), Akta Kerajaan Tempatan 1976," menurut hantaran itu pada Ahad.

DBKL turut mengeluarkan 15 notis kompaun terhadap premis tersebut di bawah Undang-Undang Kecil Tred Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 2016 kerana tiada lesen perniagaan dan melantik pembantu tiada kebenaran.

FOTO: DBKL



Seorang anggota penguat kuasa DBKL menampal notis penutupan pada pintu premis dalam operasi yang dijalankan DBKL pada Sabtu.